

'BIAR RAKYAT MENILAINYA'

Datuk Asri jawab

22 NOV 1977

kenyataan ✓

Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin (—) Yang Dipertua Agung Pas Datuk Haji Mohamad Asri berkata beliau kurang setuju dengan kenyataan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang berkata bahawa rakyat sendiri akan menilai sejauh mana terjejasnya perhubungan Umno dan Pas berikutan krisis politik Kelantan.

Dalam keadaan sekarang, kata Datuk Asri pemimpin-pemimpin kenalah menentukan sikap sendiri.

Menurut beliau kalimah "rakyat" yang disebut oleh Dato Seri Dr. Mahathir itu adalah sesuatu yang mungkin boleh mengelirukan.

Dalam satu pertemuan dengan Berita Harian baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri berkata beliau mahu rakyat sendiri menilai sejauh mana terjejasnya perhubungan antara Umno dan Pas berikutan krisis politik di Kelantan.

Keadaan

Kata Datuk Asri: "Pada anggapan saya dalam keadaan seperti ini adalah menjadi kewajipan pemimpin untuk menentukan sikap sendiri sebab, sebagai pemimpin dia bukan dilantik untuk dipimpin."

Dalam hubungan ini, tambah Datuk Asri, setiap pemimpin memperhitungkan kepentingan rakyat dan negara lebih dari kepentingan peribadi sendiri.

"Sebab itu ukuran terjejas atau tidaknya bukan semata-mata terletak kepada kejadian dan peristiwa, tetapi terutamanya terletak kepada motif sebarang kejadian dan cara pemimpin berjuang menghadapi kejadian itu sendiri," ujarnya.

Pendapat

"Kalimah rakyat yang disebutkan oleh Dato Seri Dr. Mahathir itu mungkin boleh mengelirukan, siapakah rakyat yang dimaksudkan itu," tanyanya.

Datuk Asri menegaskan, ini adalah soal perhubungan kedua parti.

Katanya lagi, pertikaian pendapat dan fahaman dalam sesuatu pertubuhan besar yang mempunyai ikatan yang longgar seperti Barisan Nasional sekarang adalah satu hal biasa.

"Yang menjadi luar-biasanya ialah kerana kejadian di Kelantan baru-baru ini merupakan kejadian yang pertama," kata Datuk Asri.

Datuk Asri menyatakan, kalau Dewan tertinggi Barisan Nasional sebulat suara berkehendakkan Pas disingkir, maka itu adalah haknya.

"Demikian juga adalah menjadi hak kepada mana-mana parti komponen untuk menarik diri keluar dari Barisan Nasional," ujarnya.